

Amalan Pengajaran Berkesan Dalam Pendidikan Asas Vokasional Di Sekolah Menengah Kebangsaan Harian: Dapatan Kajian Rintis

Nur Iwani Azmi*, Mohamad Hisyam Mohd. Hashim

Fakulti Pendidikan Teknik dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)

*Corresponding author: gb110021@siswa.uthm.edu.my

Abstrak

Kajian rintis ini bertujuan untuk meneroka dan menganalisis dapatan berkaitan dengan pelaksanaan amalan pengajaran guru dalam program PAV di Sekolah Menengah Kebangsaan Harian. Fokus utama adalah kupasan berkaitan permasalahan yang wujud dalam pelaksanaan Pendidikan Asas Vokasional yang merupakan satu aliran pendidikan dalam sistem persekolahan peringkat Menengah Rendah di Sekolah Menengah Kebangsaan Harian. Dalam kajian ini, penyelidik memberikan fokus kepada permasalahan dan kekangan dalam amalan pengajaran yang mungkin wujud seterusnya boleh menyumbang kepada kegagalan pelaksanaan program PAV ini. Seterusnya penyelidik akan memberikan fokus kepada tindakan guru dalam menghadapi masalah tersebut dan menyesuaikan dalam proses pengajaran. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kes bagi memperoleh data kajian melalui temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Pemilihan peserta kajian ini adalah di kalangan orang guru di sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan Harian yang mempunyai hubungan terus dengan pelaksanaan PAV bersesuaian dengan data yang diperlukan bagi menjawab soalan kajian. Data yang diperoleh akan diurus dan diorganisasikan menggunakan perisian NVivo10. Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan peserta kajian menghadapi masalah dari aspek bantuan kewangan, kekurangan guru, serta pengetahuan dan kemahiran pelajar dalam melaksanakan PAV. Kajian ini menunjukkan penambahbaikan perlu dilakukan dalam aspek persekitaran tempat pengajaran, pengambilan pelajar dan kemudahan bahan pengajaran terutamanya di dalam bengkel.

Kata Kunci: Dapatan Kajian Rintis, Pendidikan Asas Vokasional, Amalan Pengajaran Guru

PENGENALAN

Program Pendidikan Asas Vokasional mula dilaksanakan di Sekolah Menengah Kebangsaan Harian secara berperingkat mulai tahun 2012 sebagai peluasan kepada mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) Tahun 4 hingga Tahun 6 di Sekolah Rendah (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2011c). Pelaksanaan program PAV ini selari dengan proses transformasi Pengajian Teknik dan Vokasional seperti yang ditetapkan, dengan menggantikan program Mata Pelajaran Vokasional (MPV) yang mula dimansuhkan secara berperingkat mulai tahun 2012. Program ini dapat memberikan ruang dan peluang kepada murid lepasan Tahun 6 yang gagal mencapai prestasi minimum berorientasikan akademik supaya terus berada di dalam sistem persekolahan di mana mereka belajar mengikut kemampuan, minat, dan menggilap potensi keupayaan dalam bidang vokasional yang diikuti (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2011).

LATAR BELAKANG KAJIAN

Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) adalah untuk menentukan tahap pencapaian murid Sekolah Rendah dengan menguasai kemahiran asas 3M iaitu membaca, menulis dan mengira serta kemahiran saintifik yang diterapkan melalui mata pelajaran yang diajar (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2011b). Ikhsan dan Norila (2005) juga berpendapat, penilaian ini bertujuan untuk melihat sejauh mana taraf pencapaian murid Tahun Enam dalam kemahiran asas menulis, membaca dan mengira sebelum kanak-kanak tersebut melangkah ke alam Pendidikan Menengah. Namun begitu, masih terdapat peratusan pelajar yang gagal mencapai tahap kelulusan minimum yang ditetapkan oleh pihak Kementerian.

Alimuddin (2009, November 19) menjelaskan bahawa pencapaian yang lemah dalam UPSR iaitu semua E dalam mata pelajaran telah menurun jika berbanding dengan tahun sebelumnya dengan perbezaan 0.02 peratus. Malah menurut Wee (2009, November 4), sebanyak 430 Sekolah Rendah yang gagal mencapai tahap penguasaan minimum dalam UPSR bagi tempoh 2005 hingga 2008 yang mempunyai purata kelulusan antara D dan E. Apabila dianalisis kembali, masih terdapat sebilangan kecil pelajar yang tercicir dan tidak mencapai tahap kelulusan minimum yang ditetapkan dalam UPSR. Peratusan bilangan pencapaian calon peringkat nasional pada tahun 2005 sehingga 2010 ditunjukkan dalam Jadual 2.2 bagi murid yang tidak mencapai tahap kelulusan minimum yang ditetapkan iaitu campuran gred E dan D semua mata pelajaran UPSR.

Peratusan calon yang mendapat semua mata pelajaran di bawah tahap pencapaian minimum telah berkurangan,

namun masih terdapat sebilangan kecil murid yang gagal mencapai prestasi minimum untuk semua mata pelajaran dalam UPSR. Menurut (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2011d), antara faktor yang menyebabkan kegagalan murid mencapai prestasi minimum kerana UPSR hanya menekankan aspek kognitif yang berorientasikan akademik sekali gus memberi gambaran bahawa prestasi murid Tahun 6 cukup membimbangkan. Pencapaian keseluruhan calon UPSR tahun 2011 meningkat jika dibandingkan dengan pencapaian tahun sebelumnya. Namun jika diteliti dengan lebih mendalam, masih terdapat peratusan kecil calon yang mendapat semua mata pelajaran di bawah tahap pencapaian minimum.

Jadual 2.1: Bilangan murid yang tidak mencapai tahap pencapaian minimum dalam UPSR (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2010a)

Tahun		Gred semua Mata Pelajaran	
		Semua E	D & E
2005	Bilangan	5,151	21,033
	Peratus	1.00	4.20
2006	Bilangan	3,437	16,398
	Peratus	0.70	3.30
2007	Bilangan	5,012	15,697
	Peratus	1.00	3.13
2008	Bilangan	3,363	15,286
	Peratus	0.66	3.01
2009	Bilangan	3,266	16,694
	Peratus	0.64	3.30
2010	Bilangan	2,917	13,146
	Peratus	0.60	2.73

Wee (2011, Oktober 10) menjelaskan yang masih terdapat murid dalam jumlah yang kecil meninggalkan dunia pendidikan serta-merta kerana tidak berminat terhadap pelajaran di dalam peratusan bilangan keciciran murid di peringkat Sekolah Rendah yang mengikuti sistem persekolahan di bawah Kementerian Pelajaran bagi tempoh 2006 hingga 2010 iaitu pada kadar 1.32 peratus. Murid yang tidak mencapai tahap prestasi minimum perlu diberi peluang kedua untuk dilentur dan digilap potensi serta keupayaan yang ada melalui pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang memfokuskan aspek psikomotor dan kemahiran kerja tangan (*hands-on*) yang dilaksanakan dalam persekitaran vokasional sebenarnya (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2011a). Peluang pendidikan perlu dibuka seluas-luasnya kerana ia penting untuk membekalkan ilmu terkini kepada masyarakat menjadi tenaga kerja yang berkemampuan untuk menyumbangkan kepada pembangunan negara. Hasrat ini dapat dicapai melalui program.

TUJUAN KAJIAN

Menurut Kementerian Pelajaran Malaysia (2011b), program PAV merupakan laluan alternatif kepada murid UPSR diwujudkan bagi memberi lebih ruang dan peluang untuk belajar mengikut kemampuan dan minat mereka dengan telah menyediakan Pendidikan Vokasional lebih awal yang bermula dari Tingkatan 1 berbanding Tingkatan 4 semasa pelaksanaan MPV. Perkara yang menjadi persoalan ialah adakah guru menghadapi sebarang kesulitan dan cabaran dalam melaksanakan dan menyesuaikan kurikulum kebangsaan yang sedia ada dengan tahap kemampuan dan kebolehan pelajar PAV yang merupakan pelajar lemah dalam bidang akademik?

Kajian ini bertujuan untuk meneroka dan memahami cabaran dan kekangan yang dihadapi oleh guru Komponen Kemahiran Vokasional di sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan Harian yang terlibat dalam pelaksanaan program PAV dari aspek mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh guru dan cara-cara guru menangani masalah yang timbul dalam memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dapat berjalan seperti yang telah dirancang.

PERSOALAN KAJIAN

Bagi mencapai tujuan ini, persoalan khusus yang ditetapkan dalam kajian ini ialah:

- Apakah bentuk cabaran dan masalah yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan PAV?
- Mengapakah masalah tersebut timbul?
- Adakah masalah tersebut mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran?
- Bagaimanakah guru menghadapi masalah tersebut dan menyesaikannya dalam proses pengajaran?

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah kajian yang menggunakan pendekatan berbentuk kualitatif. Dalam kajian ini, persoalan yang dikaji ialah tentang cabaran dan kekangan yang dihadapi oleh guru Komponen Kemahiran Vokasional di sebuah

Sekolah Menengah Kebangsaan Harian dalam program PAV. Kajian ini difokuskan kepada memahami keadaan dan suasana yang berlaku ketika proses pengajaran dan pembelajaran guru kepada pelajar PAV. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan kaedah untuk mengumpul seberapa banyak data deskriptif bagi memperoleh gambaran sebenar mengenai proses pengajaran dan pembelajaran. Untuk tujuan tersebut, kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah melalui temu bual, pemerhatian dan analisis bahan dokumen yang berkaitan. Pengkaji-pengkaji kualitatif biasanya bergantung pada ketiga-tiga kaedah ini bagi mengumpul maklumat iaitu pemerhatian, temu bual dan bukti dokumen (Bogdan & Biklen, 2003).

Kajian ini menggunakan kaedah kajian kes secara kualitatif. Kaedah kajian kes adalah kaedah yang sesuai digunakan untuk kajian ini, sepertimana saranan Merriam (1998) yang menyatakan bahawa kajian kes adalah untuk memahami secara mendalam sesuatu situasi dan memberi makna kepada mereka yang terlibat. Kajian kes digunakan dalam kajian ini kerana melibatkan pengumpulan data yang sistematik dan mendalam mengenai proses pengajaran dan pembelajaran pelajar PAV dalam Komponen Kemahiran Vokasional. Unit analisis dalam kajian ini adalah proses pengajaran dan pembelajaran Komponen Kemahiran Vokasional kepada pelajar PAV. Analisis terhadap proses pengajaran dan pembelajaran ini nanti meneroka bagaimana proses tersebut dilaksanakan oleh guru Komponen Kemahiran Vokasional di Sekolah Menengah Kebangsaan Harian berlangsung.

Oleh itu, dalam penyelidikan ini penyelidik tidak akan membuat sebarang generalisasi, kerana kajian ini hanya tertumpu kepada sekumpulan guru Komponen Kemahiran Vokasional di sebuah sekolah sahaja. Menurut Chua (2006), penyelidikan kualitatif tidak tertakluk kepada membuktikan hipotesis dan teori pada awal kajian tetapi penyelidikan berkembang semasa kajian dijalankan. Walaupun tidak boleh digeneralisasikan, namun dapatan daripada kajian ini boleh menjadi maklumat kepada pihak pengurusan kurikulum, guru, ibu bapa kepada pelajar yang mempunyai masalah yang sama dengan subjek dalam kajian ini.

Menurut Marohaini (2001), melalui kajian rintis yang dibuat oleh penyelidik akan memperbaiki kelemahan yang ada dalam prosedur kajian dan instrumen kajian yang dirangka. Dapatan kajian rintis ini diharap mampu membimbing dan menumpukan kajian penyelidik berkaitan dengan amalan pengajaran guru Komponen Kemahiran Vokasional dalam pendidikan asas vokasional di Sekolah Menengah Kebangsaan Harian dengan menonjolkan permasalahan yang wujud dalam pelaksanaan PAV. Peserta kajian yang dipilih untuk pengumpulan data adalah terdiri daripada guru yang mengajar di sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan Harian. Seramai empat orang guru yang telah dipilih menjadi peserta kajian, peserta kajian adalah pakar kepada perkara yang sedang dikaji oleh penyelidik kerana mereka terlibat secara langsung dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam program PAV ini.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Terdapat 4 objektif yang tercapai daripada kajian yang dijalankan, kesemua objektif ini dibincangkan secara mendalam dengan membuat perbandingan daripada kajian dan teori yang sebelumnya.

Bantuan Kewangan

Dapatan kajian ini menunjukkan peserta kajian berhadapan dengan masalah bantuan kewangan yang agak lewat dari pihak Kementerian. Dapatan ini selari dengan Maklum Balas Kandungan Modul Pembelajaran Tingkatan 1 kepada pihak Kementerian yang menjelaskan, peralatan dan bahan bagi sesetengah modul tidak dapat disediakan kerana tiada peruntukan ketika pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Malah, peserta kajian bersetuju yang masalah bantuan kewangan yang lewat mempengaruhi proses pengajaran yang dilaksanakan kepada pelajar PAV.

Dari segi kewangan, budak ni perlukan kemahiran. Bila perlu kemahiran, kena buat kerja, kena beli barang. Tapi duit tak da, macam mana? Budak kena ambil SKM. Macam mana nak dapat SKM? (S1/C02)

Kita cuma menghadapi beberapa masalah, yang kalau kritikal tu berkaitan dengan kewangan la. Yang tu paling kritikal la. Duit tak sampai, itu yang menjadi halangan yang sangat besar la. Memang mempengaruhi sangat-sangat la dari segi sesi P&P tu. (S1/C01)

Masalah ini turut berlaku dalam pelaksanaan MPV yang mana, Laporan dapatan kajian Kementerian Pendidikan Malaysia (2003) serta Sarimah dan Farawahida (2010) menunjukkan Geran Per Kapita sebanyak RM65.00 bagi setiap MPV didapati tidak mencukupi. Malahan, bantuan Per Kapita Geran mata pelajaran Membuat Perabot yang digunakan untuk membeli bahan-bahan mentah bagi kerja-kerja amali juga tidak mencukupi untuk melaksanakan proses pengajaran. Dalam dapatan kajian yang lepas, ada di antara guru-guru yang mengajar MPV terpaksa menggunakan wang peruntukan daripada mata pelajaran yang lain untuk menampung kos mata pelajaran Membuat Perabot (Othman, 2004).

Masalah peruntukan ini menimbulkan kesukaran kepada guru untuk mendapatkan bahan-bahan yang berkualiti baik kerana harga yang ditawarkan oleh pembekal adalah mahal berbanding dengan barangan yang agak kurang berkualiti. Oleh yang demikian, guru terpaksa memilih barangan yang kurang berkualiti agar pelajar dapat menjalankan beberapa projek mengikut sukatan pelajaran MPV masing-masing. Contohnya, dalam dapatan kajian

yang lepas, guru-guru MPV Membuat Perabot terpaksa membeli kayu yang belum diketam bagi menjimatkan kos (Othman, 2004). Akibat daripada kekurangan peruntukan ini juga, terdapat guru yang terpaksa mengeluarkan wang sendiri terlebih dahulu bagi membeli bahan-bahan untuk melaksanakan projek amali.

Secara keseluruhannya, tinjauan dari aspek masalah kelewatan bantuan kewangan yang dihadapi oleh guru sedikit sebanyak mempengaruhi sesi pengajaran. Seterusnya, guru berhadapan dengan masalah untuk membeli bahan kegunaan *hands-on* kerana mendapat bantuan kewangan yang lewat dan seterusnya menjejaskan proses pengajaran. Penyelidik berpendapat, masalah kewangan antara punca yang mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan PAV kerana menyukarkan guru membeli bahan pengajaran bagi membolehkan pelajar mendapat Sijil Kemahiran Malaysia (SKM). Oleh itu, didapati peserta kajian mengambil langkah untuk menyesuaikan pengajaran dengan bahan-bahan yang ada, selagi menepati tugas (*task*) yang diperlukan.

Bahan dan Prasarana Sekolah

Dapatan kajian ini menunjukkan peserta kajian menghadapi masalah prasarana sekolah yang tidak lengkap seperti masalah *power supply* yang dihadapi oleh guru apabila pelajar menjalankan *hands-on* di dalam bengkel. Dapatan ini selari dengan Maklum Balas Kandungan Modul Pembelajaran Tingkatan 1 kepada pihak Kementerian yang menjelaskan, tiada kemudahan bengkel khas untuk modul umum khususnya untuk Modul Pengurusan Diri seperti dalam bidang masakan dan jahitan. Malah, peserta kajian menjelaskan yang mereka berhadapan dengan masalah bahan yang tidak cukup dan prasarana yang tidak lengkap dalam melaksanakan pengajaran kepada pelajar PAV.

Yang berkaitan dengan bahan. Yang tu paling kritikal la. Bahan tak cukup, peralatan tak cukup, duit tak sampai, itu yang menjadi halangan yang sangat besar la. Memang mempengaruhi sangat-sangat la dari segi sesi P&P tu. (S1/C01)

Masalah kritikal tu power supply tu tak berapa cukup. Jadi tak semua mesin boleh berjalan serentak dalam satu masa. (S1/C01)

Masalah yang ke depan tu, masalah dari segi prasarana. Macam tahun depan, apabila masuk tingkatan 1, bermaksud bengkel dah tak cukup. (S1/C01)

Seterusnya, jika diteliti dari sudut bahan dan prasarana sekolah semasa pelaksanaan MPV, Kementerian Pendidikan Malaysia (2003) mendapati ruang stor tidak mencukupi untuk menyimpan peralatan, bahan dan hasil kerja pelajar. Malah, dapatan kajian Sarimah dan Farawahida (2010) menunjukkan majoriti guru bersetuju bahawa peralatan di bengkel perlu ditukarkan kepada yang lebih moden dan sama dengan peralatan yang terdapat di industri supaya ia selari dengan keperluan teknologi masa kini. Guru berpendapat, penggunaan peralatan moden dapat menarik minat pelajar dalam proses P&P. Di samping itu, pelajar berpeluang menyesuaikan diri dengan peralatan tersebut di mana pengalaman yang diperoleh boleh digunakan pada masa hadapan.

Penyelidik berpendapat bahawa keadaan ini akan mempengaruhi proses pengajaran di dalam kelas mahupun bengkel terutamanya apabila bilangan pelajar semakin bertambah. Ini kerana sekolah hanya mempunyai 2 bengkel sahaja dan apabila ketiga ketiga pelaksanaan PAV memerlukan 3 buah bengkel untuk setiap Tingkatan dari Tingkatan 1 sehingga Tingkatan 3.

Melalui pemerhatian yang dijalankan oleh penyelidik, guru mengambil inisiatif sendiri dengan menggunakan kayu lebih di stor sekolah seperti meja dan kerusi rosak yang tidak digunakan lagi. Seterusnya, guru meleraikan komponen-komponen tersebut dan menggunakannya sebagai bahan dalam mengajar kerja tangan kepada pelajar. Dengan ini, pelajar dapat mengaplikasikan pembelajaran mereka walaupun menggunakan kayu kitar semula.

Dalam kajian ini penyelidik dapat membuat rumusan bahawa, peserta kajian telah mengambil langkah yang sewajarnya dalam memastikan proses pengajaran berjalan walaupun berhadapan dengan kekurangan bahan pengajaran. Keadaan ini turut diakui oleh peserta kajian yang berpendapat bahawa dengan usaha sama semua pihak akan dapat menjayakan program PAV dengan memberi peluang kedua kepada pelajar yang pernah tercicir dalam UPSR.

Sukatan Pelajaran

Dalam kajian ini, penyelidik mendapati terdapat komponen dalam sukatan pelajaran yang digunakan agak sukar bagi pelajar PAV memandangkan mereka terdiri daripada pelajar yang lemah daripada bidang akademik. Dapatan ini selari dengan Maklum Balas Kandungan Modul Pembelajaran Tingkatan 1 kepada pihak Kementerian yang menjelaskan, proses pengajaran dan pembelajaran serta pentaksiran mengambil masa yang lama berikutan kandungan modul dan juga eviden kompetensi yang banyak yang perlu dihabiskan supaya semua murid dapat ditaksir setiap orang.

Dokumen tersebut turut menyentuh tentang terdapat di antara tajuk adalah kategori aras tinggi, manakala tajuk lain walaupun nampaknya mudah tetapi memerlukan masa yang panjang dan guru terpaksa mengulang proses

pengajaran beberapa kali supaya murid dapat memahami apa yang di hasratkan. Malah, peserta kajian menjelaskan yang mereka berhadapan dengan masalah untuk melaksanakan sesetengah tajuk memandangkan sukatan pelajaran yang terlalu tinggi.

Untuk pelajar Tingkatan 1, memang saya sesuaikan. Saya akui memang saya sesuaikan la. Sebab saya ada beberapa kekangan yang saya tidak boleh nak elak. Yang pertama saya terlibat dalam program-program lua. Banyak masa saya terpaksa diagihkan la. Jadi masa tu kita suntuk di sekolah. Asalkan mencapai objektif yang telah ditetapkan oleh Kementerian.. (S1/C01)

Dari segi masa, kalau Tingkatan 1 tu, memang tak cukup masa la. Kalau aktiviti-aktiviti luar dikurangkan, tugas-tugas berat dikurangkan, saya rasa mungkin boleh jalan la semua modul-modul tu. (S1/C01)

Secara keseluruhannya, walaupun guru berhadapan dengan masalah untuk melaksanakan proses pengajaran kepada pelajar, tetapi guru telah mengambil langkah untuk menyesuaikan sukatan pelajaran dengan tahap pencapaian pelajar dan dalam masa yang sama masih mencapai objektif yang ditetapkan oleh pihak Kementerian. Malahan peserta kajian turut mencadangkan agar setiap kandungan modul dapat dirujuk kepada sukatan pelajaran Tingkatan 1 Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) dan dipermudahkan supaya lebih ringkas sesuai dengan tahap murid PAV memandangkan mereka adalah murid yang memperoleh pencapaian rendah UPSR.

Guru

Dapatan kajian ini menunjukkan peserta kajian berhadapan dengan masalah kekangan guru yang mengajar dalam Komponen Kemahiran Vokasional dalam PAV. Dapatan ini selari dengan pendapat peserta kajian yang bersetuju bahawa mereka berhadapan dengan masalah kekurangan guru. Ini adalah kerana, guru yang mengajar Komponen Kemahiran Vokasional sepatutnya seramai 2 orang, tetapi mereka hanya mempunyai seorang sahaja guru yang mengajar Komponen tersebut bagi Tingkatan 1.

Masalah lain yang kita hadapi, masalah kekangan cikgu la. Cikgu tak cukup. (S1/C01)

Laporan Kajian Pelaksanaan MPV Membuat Perabot di Sekolah Menengah Akademik menjelaskan sebilangan guru menghadapi masalah kekurangan masa untuk mengurus bengkel dan menyediakan bahan pengajaran dan pembelajaran kerana dibebani dengan terlalu banyak kerja pengkeranian di dalam pelaksanaan MPV (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003). Malah, sebilangan guru menghadapi masalah kekurangan masa untuk mengurus bengkel dan menyediakan bahan pengajaran kerana peruntukan masa mengajar bagi guru ialah 24 sehingga 28 waktu seminggu. Kajian Othman (2004) yang mendapati guru pelaksana MPV Kursus Membuat Perabot telah menghadapi masalah dari segi masalah kemudahan kelengkapan bengkel dan masalah pengurusan jadual waktu dalam pelaksanaannya.

Dapatan kajian ini disokong dengan dapatan kajian oleh Siti Sarah (2013) yang mendapati, bilangan pelajar PAV seramai 32 orang yang hanya dibimbing oleh seorang sahaja guru bengkel adalah membebankan guru tersebut mengawal pelajar-pelajar di dalam bengkel atau kelas. Selain itu, kekurangan guru bagi opsyen PAV berbanding dengan kapasiti pelajar antara masalah yang dihadapi oleh pihak pentadbiran sekolah. Secara keseluruhannya, walaupun peserta kajian menghadapi masalah kekurangan guru, tetapi peserta kajian sentiasa komited dalam melaksanakan tugas mereka mendidik pelajar PAV.

Pelajar

Dapatan kajian ini menunjukkan peserta kajian menghadapi masalah dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam program PAV berikutan dengan tahap pencapaian pelajar yang lemah menyukarkan peserta kajian untuk melaksanakan pengajaran kerana terdapat segelintir pelajar yang tidak tahu membaca dan menulis.

Dasar daripada Kementerian pelajaran Malaysia dah tetapkan syarat, semua pelajar yang nak masuk ni semua 5E lah. Kita di sini ada 7 orang pelajar yang tak boleh membaca. Yang lain tu bukan kata boleh membaca dengan lancar, sekadar boleh membaca saja. Itu adalah satu kekangan lah. (S1/C01)

Pelajar-pelajar PAV di ambil dari D dan E. Dan kelas kita ada 7 orang yang tak boleh menguasai 3M. Nak buat perabot, nak ukur pon tak tau. Dalam SKM tu, dia ada teori dan amali. Teori tu sekurang-kurangnya 40 %, amali dalam 60 %. Sekarang ni, dia tak boleh membaca, tak boleh menulis, macam mana dia nak dapat SKM? Tu masalah dia. (S1/C02)

Kementerian Pendidikan Malaysia (2003) mendapati pencapaian akademik yang rendah banyak mempengaruhi P&P khususnya yang memerlukan kemahiran tinggi di dalam pelaksanaan MPV. Dalam kajian

Asnul Dahar dan Rabiah (2010) menunjukkan, kesediaan pencapaian pengetahuan pelajar dalam mengikuti MPV berada pada nilai yang sederhana. Ini bertepatan dengan pendapat Salbiah (2001) yang menyatakan bahawa kemampuan kognitif ialah potensi mental di mana seseorang itu berkemampuan atau berkeupayaan memahami sesuatu perkara, membuat pertimbangan terhadap sesuatu masalah atau memikirkan secara logik dan rasional tentang sesuatu perkara. Pelajar yang pengetahuan asasnya sederhana dan rendah agak lambat memahami isi pelajaran yang disampaikan oleh guru dan lambat dalam menguasai sesuatu kemahiran dan seterusnya kurang bersedia untuk mengikuti MPV di sekolah.

Laporan Kajian Pelaksanaan MPV Membuat Perabot di Sekolah Menengah Akademik oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2003) menjelaskan, pelajar yang pengetahuan asasnya sederhana dan rendah agak lambat memahami isi pelajaran yang disampaikan oleh guru dan lambat dalam menguasai sesuatu kemahiran dan seterusnya kurang bersedia untuk mengikuti MPV di sekolah. Malah pencapaian akademik pelajar yang rendah banyak mempengaruhi pengajaran dan pembelajaran khususnya yang memerlukan kemahiran tinggi di dalam pelaksanaan MPV di peringkat Menengah Atas.

Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (2003), terdapat projek yang mengambil masa yang lama untuk disiapkan dan akan mengakibatkan projek seterusnya lewat untuk disiapkan mengikut masa yang ditentukan. Sebagai contoh projek meja tulis yang mengambil masa dua bulan untuk disiapkan sedangkan bilangan modul yang perlu dihabiskan terlalu banyak dan menyebabkan kekurangan masa untuk menyiapkan kesemua modul. Kementerian Pendidikan Malaysia (2003) turut mendapati di dalam pelaksanaan MPV, beberapa aspek kandungan MPV seperti tajuk berkaitan dengan teori, keusahawanan dan mengira kurang diminati kerana sukar difahami oleh pelajar.

Kajian yang dijalankan oleh Siti Sarah (2013) mendapati, wujudnya masalah terdapat sebilangan pelajar yang masih tidak pandai membaca dalam pelaksanaan PAV dan menyebabkan proses pembelajaran yang dijalankan di dalam kelas agak terganggu di sekolah berkenaan. Dalam kajian tersebut, pelajar menghadapi kesukaran mendapat idea dalam melakarkan sesuatu produk serta didapati menghadapi kesukaran memilih alatan yang betul dan melakukan kerja amali.

Penyelidik berpendapat bahawa keadaan ini menyukarkan guru dalam melaksanakan pengajaran kepada pengajaran kerana perlu memberikan tumpuan yang khusus kepada pelajar yang tidak dapat menguasai 3M (membaca, menulis dan mengira). Oleh itu, guru mengambil langkah untuk membahagikan pelajar mengikut peringkat penguasaan sesuatu kemahiran bagi memudahkan guru memberi tumpuan dan memastikan semua pelajar dapat mencapai objektif pengajaran yang telah ditetapkan.

Dalam kajian ini penyelidik dapat membuat rumusan bahawa, guru mengambil inisiatif yang baik dalam menyesuaikan kemahiran yang diperlukan dalam PAV dengan tahap pencapaian pelajar.

PENUTUP

Penyelidikan ini merupakan suatu penerokaan kepada kajian cabaran dan kekangan dalam Pendidikan Asas Vokasional dan mencungkil amalan sebenar yang berlaku semasa pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Komponen Kemahiran Vokasional di Sekolah Menengah Kebangsaan Harian. Penyelidikan ini dijalankan menggunakan reka bentuk kajian kualitatif dan berdasarkan dapatan penyelidik, penyelidik membuat rumusan dan kesimpulan mengenai amalan peserta kajian dalam amalan pengajaran guru yang boleh diambil perhatian dan dapatan yang menunjukkan kelemahan yang perlu diperbaiki dalam usaha meningkatkan profesion keguruan. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pada peringkat ini, guru berhadapan beberapa masalah yang sedikit sebanyak mempengaruhi amalan pengajaran guru dalam PAV. Dapatan kajian rintis ini mampu membimbing dan menumpukan kajian penyelidik berkaitan dengan amalan pengajaran guru Komponen Kemahiran Vokasional dalam pendidikan asas vokasional di Sekolah Menengah Kebangsaan Harian dengan menonjolkan permasalahan yang wujud dalam pelaksanaan PAV. Diharapkan melalui keberkesanan pelaksanaan PAV mampu melahirkan pelajar yang mampu menjalani kehidupan yang baik dalam dunia berteknologi yang kompleks.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih dirakamkan kepada Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang memberi peluang dan ruang kepada saya melanjutkan pengajian di peringkat Doktor Falsafah dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia yang menyediakan biasiswa kepada saya. Saya amat menghargai segala nasihat, dorongan, bantuan dan keprihatinan Prof. Madya Engr. Dr. Mohamad Hisyam bin Mohd. Hashim selaku penyelia yang banyak membantu dalam penulisan kertas konsep ini. Pada kesempatan ini, saya juga ingin merakamkan lestari budi kasih yang tidak terhingga buat suami tercinta Mohd Azfar bin Mohd Ridza, dan keluarga tersayang yang banyak memberikan sokongan dan dorongan kepada saya.

RUJUKAN

- Alimuddin, M. D. (2009, November 19). *Pencapaian UPSR Meningkatkan: Alimuddin*. dicapai pada Disember 19, 2011 daripada <http://www.mstar.com.my/>
- Asnul Dahar, M., & Rabiah, S. M. (2010). *Kesediaan Pelajar dalam Mengikuti Mata Pelajaran Vokasional di Sekolah Menengah Harian Luar Bandar Daerah Jerantut, Pahang*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Bogdan, R. C., & Biklen, S. K. (2003). *Qualitative Research for Education: An Introduction to Theory and Methods*. 4th edition. Boston: Pearson Education.
- Chua, L. C. (2006). Sample Size Estimation using Krejcie and Morgan and Cohen Statistical Power Analysis: A Comparison. *Jurnal Penyelidikan IPBL*, 7.
- Ikhsan, O., & Norila, M. S. (2005). *Kurikulum dan Pengajaran Sekolah Rendah: Aspek-Aspek yang Berkaitan*. Tanjong Malim: Quantum Books.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2011a). *Kertas Cadangan Bil. 4/2011, Mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Pusat*. Putrajaya: Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2011b). *Kurikulum Standard Sekolah Menengah, Pendidikan Asas Vokasional Pra Vokasional Tingkatan Satu*. Putrajaya: Pusat Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2011c). *Panduan Perlaksanaan Rintis Pendidikan Asas Vokasional*. Putrajaya: Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2011d). *Pengumuman Analisis Keputusan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) Tahun 2011*. Putrajaya: Lembaga Peperiksaan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2003). *Laporan Kajian Pelaksanaan MPV Membuat Perabot di Sekolah Menengah Akademik 2003*. Dicapai pada April 18, 2012 daripada <http://mamo60.tripod.com/laporanmpppk2003.htm>
- Marohaini, Y. (2001). *Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman Kerja Lapangan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Merriam, S. B. (1998). *Qualitative Research and Case Study Application in Education*. Sage Francisco: Jossey-Bass Publication.
- Othman, Z. (2004). *Tahap Masalah dalam Pelaksanaan Mata Pelajaran Membuat Perabot di Sekolah Menengah Akademik Terpilih bagi Negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan*. (Projek Sarjana Muda), Universiti Teknologi Malaysia.
- Salbiah, I. (2001). Fitrah Manusia. In M. A. Abdul Rahim (Ed.), *Pendidikan di Malaysia dan Psikologi Pendidikan di Selenggara*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors.
- Sarimah, I., & Farawahida, Y. (2010). *Kekangan Pelaksanaan Mata Pelajaran Vokasional di Sekolah Menengah Negeri Johor*. Johor: Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Siti Sarah, A. G. (2013). *Pembelajaran Program Rintis Pendidikan Asas Vokasional (PAV) di SMK Datuk Menteri, Ayer Hitam, Johor*. (Laporan Projek Sarjana), Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Wee, K. S. (2009, November 4). 430 Sekolah Tak Lepasi Prestasi Minimum UPSR. Dicapai pada Mac 10, 2012 daripada <http://www.bharian.com.my>
- Wee, K. S. (2011, Oktober 10). *Kementerian Pelajaran Lakukan Kajian Keciciran Murid*. September 11, 2012 daripada <http://mynewshub.my/>